



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
PENGUMUMAN RASMI**

KRISIS COVID-19

**STATUS KEHADIRAN KE KAMPUS BAGI PELAJAR YANG TERLIBAT DENGAN
PERINTAH KAWALAN DI ZON MERAH DAN KUNING
DAN ARAHAN SARINGAN KESIHATAN DALAM KALANGAN INDIVIDU/PELAJAR
DARI SABAH**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pelajar yang dikasihi,

1. Setelah membuat penilaian ke atas situasi semasa berhubung peningkatan kes Covid-19 yang membimbangkan akhir-akhir ini, serta mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak termasuk wakil pelajar, pihak pengurusan universiti memutuskan bahawa pelajar dengan sejarah perjalanan dari **Sabah** dan pelajar yang terlibat dengan perintah kawalan di **zon merah dan kuning** adalah dikehendaki **'MENANGGUHKAN'** kehadiran secara fizikal ke kampus berkuatkuasa mulai **28 September 2020**.
2. Penangguhan ini meliputi perkara berikut ;
 - a. Pelajar yang akan menduduki Peperiksaan akhir Fasa 2 yang dijadualkan pada 5 sehingga 16 Oktober 2020 dan peperiksaan akhir Fasa 3 yang dijadualkan pada 19 sehingga 30 Oktober 2020, pihak universiti akan mengadakan peperiksaan khas.
 - b. Pelajar yang mempunyai kerja makmal yang dijadualkan pada 14 September sehingga 2 Oktober 2020, pelajar hendaklah menghubungi Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwat Pelajar) fakulti masing masing untuk penjadualan semula kerja makmal.
 - c. Pelajar baharu yang berada di **zon merah** dan **kuning**, kehadiran ke kampus dibenarkan setelah perintah kawalan tamat.

3. Bagi memantau risiko penularan jangkitan, pelajar dengan sejarah perjalanan dari Sabah **SEBELUM 28 September 2020** perlulah;
 - a. Memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera dan daftar masuk (check-in) menggunakan aplikasi ini setibanya di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).
 - b. Menjalani saringan gejala jangkitan saluran pernafasan dan diambil swab bagi ujian pengesanan COVID-19 oleh pihak PMA.
 - c. Pelajar perlu menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian di tempat khusus yang disediakan oleh pihak universiti dan memakai gelang tangan (*wristband*) sepanjang tempoh pengawasan serta mematuhi SOP yang telah ditetapkan KKM.
 - d. Pihak universiti akan menyediakan kemudahan pengangkutan daripada lapangan terbang ke kampus dengan syarat pelajar memaklumkan jadual pergerakan melalui wakil pelajar (anak negeri).
4. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi pelajar yang terlibat dengan penangguhan ini akan dilaksanakan secara dalam talian.
5. Sehubungan dengan itu, semua pelajar diingatkan untuk sentiasa peka terhadap sebarang pemakluman rasmi, mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari masa ke semasa.
6. Pelajar boleh menghubungi Bilik Gerakan di talian 09-549 3333 atau 09-424 6999 sekiranya ada sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah.



(PROFESOR. DATO. Ts. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh : 26 September 2020

Krisis Covid-19: Status Kehadiran ke Kampus bagi Pelajar yang terlibat dengan Perintah Kawalan di Zon Merah dan Kuning dan Arahan Saringan Kesihatan Dalam Kalangan Individu/Pelajar dari Sabah.

s.k Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita